

Headline **Did I Miss Saigon Charity Ride**  
Date **10 Sep 2010**  
MediaTitle **Roda-Roda**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Monthly**  
Circ / Read **42,000 / 126,000**

Language **Malay**  
Page No **8**  
Article Size **305 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,436**  
PRValue **4,308**



## ' Did I Miss Saigon Charity Ride '

### Kembara Vietnam Bersama Modenas

daripada latar belakang yang berbeza. Mereka ialah Dino Pozzato (menetap di Malaysia), Loris Tartaglia (Pakar Enologi), Renato Izzolino (Pengurus Pengiklanan), Andrea Caprara (Pegawai Bank),

David Gaston Robles (Arkitek), Umberto Marinello (Farmasi) dan Simone Manotto (Peguam).

"Idea ini timbul pada tahun 2008 ketika kami melakukan konvoi amal seperti ini dari Itali ke Monggolia dan tujuannya ialah untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat dunia mengenai masalah yang kini dihadapi oleh ramai kanak-kanak tidak kira di mana sahaja. Kami juga berharap usaha kami ini dapat membantu dalam usaha kutipan derma untuk NHCC demi membantu lebih 1000 kanak-kanak yang telah dijangkiti virus ini," jelas Dino - Ketua Konvoi *Did I Miss Saigon?*

"Saya sudah beberapa tahun menetap di Malaysia malah mempunyai restoran di Kuala Lumpur dan merasakan wajar bagi



kami untuk menggunakan mesin keluaran tempatan untuk konvoi kali ini dan model GT128 adalah pilihan yang tepat kerana ia pantas dan cukup tahan lasak. Faktor-faktor ini penting kerana perjalanan konvoi sejauh 4000 kilometer yang merangkumi beberapa buah negara Singapura, Malaysia, Thailand, Kemboja dan Vietnam memerlukan sebuah mesin hebat," tambahnya lagi.

Perjalanan selama 23 hari itu dijangka tiba di Saigon pada 21hb Ogos nanti dan majlis perlepasan konvoi ini telah disempurnakan oleh En. Steve Chee Weng Hoong (Ketua Bahagian Jualan dan Pemasaran Modenas) pada 30 Julai lalu. **RR**

**B**ayangkan mesin buatan Malaysia mendapat kepercayaan dan pujian peminat motosikal luar negara.... tentu rasa banggakan?

Itulah yang kita harus rasakan apabila mesin Modenas GT128 kini sedang digunakan untuk penjelajahan ke Vietnam dalam misi amal *New Hope for Cambodian Children* (NHCC) khusus dalam isu HIV/AIDS.

NHCC merupakan sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan bantuan dari segi sosial, nutrisi, pendidikan, bekalan makanan, pakaian sekolah, kasut dan pengangkutan kesihatan percuma.

Konvoi amal ini diberi nama *Did I Miss Saigon? Charity Ride* dan dianggotai oleh tujuh orang penunggang motosikal dari Itali